



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MAC 2023

Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menurun kepada negatif 2.9 peratus pada Mac 2023

PUTRAJAYA, 27 April 2023 – Kadar Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang terus menurun kepada negatif 2.9 peratus pada Mac 2023 berbanding negatif 0.8 peratus pada Februari 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MAC 2023**.

“Penguncupan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dan Perlombongan yang terus mencatatkan perubahan negatif selama tiga bulan berturut-turut pada tahun 2023. Indeks Buah tandan segar kelapa sawit terus jatuh untuk mencatatkan negatif 43.5 peratus pada Mac 2023 daripada negatif 40.5 peratus pada bulan sebelumnya, yang menyumbang kepada penurunan negatif dua digit 28.7 peratus bagi indeks Pertanian, perhutanan dan perikanan (Februari 2023: -26.1%). Indeks perlombongan turun negatif 11.5 peratus (Februari 2023: -6.5%) dengan indeks Pengekstrakan petroleum mentah turun negatif 21.2 peratus pada Mac 2023. Sementara itu, indeks Pembuatan naik 1.4 peratus pada Mac 2023 (Februari 2023: 3.0%), disebabkan oleh peningkatan indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (8.9%) dan Pembuatan kelengkapan elektrik (5.3%). Manakala bagi sektor utiliti, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas meningkat masing-masing sebanyak 3.3 peratus dan 1.4 peratus.” jelas Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Ulas beliau lagi, "Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan meningkat 0.3 peratus pada Mac 2023 berbanding penurunan negatif 0.2 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 4.8 peratus, seiring dengan pertumbuhan indeks Penanaman tanaman kekal yang meningkat sebanyak 6.5 peratus. Sektor Bekalan elektrik & gas juga mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus pada Mac 2023. Sebaliknya, sektor Perlombongan menyusut kepada negatif 0.6 peratus, dipengaruhi oleh penurunan kedua-dua indeks Pengekstrakan gas asli (-1.0%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-0.5%). Indeks Pembuatan menurun negatif 0.1 peratus disebabkan oleh penurunan Pembuatan kok & produk petroleum ditapis (-1.6%), Pembuatan kimia & produk kimia (-0.2%) dan Pembuatan produk makanan (-0.1%). Sama seperti bulan sebelum ini, indeks Bekalan air turun negatif 0.3 peratus,."

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya susut kepada negatif 21.0 peratus pada Mac 2023 (Februari 2023: -16.9%) disebabkan penurunan negatif 25.2 peratus bagi indeks Bahan bukan makanan. Walau bagaimanapun, Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat 1.5 peratus pada Mac 2023 (Februari 2023: 3.3%), disebabkan oleh peningkatan indeks Bekalan (10.6%), Bahan api yang diproses & pelincir (6.0%) dan Bahan & komponen untuk pembinaan (3.8%). Indeks Barang siap meningkat 3.9 peratus (Februari 2023: 4.0%) dengan indeks Kelengkapan modal dan Barangan pengguna siap masing-masing naik 5.0 peratus dan 2.6 peratus."

Dari segi perbandingan bulanan, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen kekal tidak berubah pada Mac 2023. Sementara itu, kedua-dua indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya dan Barang siap masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5 peratus dan 0.2 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia juga menjelaskan bahawa pada suku tahun pertama 2023, IHPR pengeluaran tempatan mencatatkan penurunan negatif 0.8 peratus (S4 2022: 3.5%). Penurunan ini disebabkan oleh indeks Pertanian, perhutanan & perikanan (-25.4%) dan Perlombongan (-6.8%). Sebaliknya, peningkatan direkodkan pada indeks Pembuatan (2.9%), Bekalan elektrik & gas (1.2%) dan Bekalan air (3.6%). Sementara itu, perbandingan suku ke suku menunjukkan bahawa pengeluaran tempatan IHPR menurun negatif 0.8 peratus (S4 2022: -0.7%).

Mengulas mengenai inflasi di peringkat pengeluar negara terpilih, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kebanyakan negara mencatatkan indeks yang sederhana pada bulan ini di saat kelonggaran harga komoditi dan harga makanan. IHPR Amerika Syarikat (AS) meningkat 2.7 peratus selepas peningkatan 4.9 peratus pada Februari 2023, yang boleh dilihat pada Permintaan makanan akhir terutamanya dalam Buah-buahan segar dan tembikai serta Telur untuk kegunaan segar. Inflasi pengeluar tahunan Jerman meningkat perlahan kepada satu digit iaitu 7.5 peratus (Februari 2023: 15.8%), mencatatkan paras terendah sejak Jun 2021. Inflasi pengeluar India meningkat sedikit 1.34 peratus (Februari 2023: 3.85%) mencecah paras terendah dalam 26 bulan berbanding angka sebelumnya. Sementara itu, harga pengeluar China terus menurun sebanyak negatif 2.5 peratus berbanding negatif 1.4 peratus pada bulan sebelumnya. Ini adalah bulan keenam berturut-turut deflasi pengeluar, mencecah indeks terendah sejak Jun 2020. Negara Asia seperti Jepun dan Korea Selatan masing-masing meningkat pada kadar yang lebih perlahan berbanding bulan sebelumnya pada kadar 7.2 peratus dan 3.3 peratus."

Beliau turut menambah, "Pasaran komoditi global akan menghadapi perubahan harga pada tahun-tahun akan datang bukan sahaja disebabkan kebimbangan geopolitik yang berlarutan, tetapi juga sebahagian besarnya tertumpu pada China dan perubahan iklim. Economist Intelligent Unit (EIU) mengunjurkan harga minyak akan kekal tinggi pada 2023. Walau bagaimanapun, beberapa minggu kebelakangan ini, harga minyak turun mendadak berikutan kejatuhan Silicon Valley Bank dan Signature Bank di Amerika Syarikat di samping isu kecairan yang dihadapi oleh Credit Suisse. Selain itu, bekalan gas Rusia ke EU kekal terputus, mengekalkan harga yang tinggi pada tahun ini. Rentetan itu, peningkatan permintaan global untuk LNG akan meningkatkan harga gas asli."


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 27 April 2023

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 27 April 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
27 APRIL 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
MARCH 2023**

***Malaysia's Producer Price Index declined further to
negative 2.9 per cent in March 2023***

PUTRAJAYA, 27th April 2023 – The rate of Malaysia's Producer Price Index which measures the prices of goods at factory gate declined further to negative 2.9 per cent in March 2023 as against negative 0.8 per cent in February 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MARCH 2023**.

"The contraction was mainly due to the decline in Agriculture, forestry & fishing and Mining sectors which continued to record negative changes for three consecutive months in 2023. Fresh fruit bunches index went down further to record negative 43.5 per cent in March 2023 from negative 40.5 per cent in the previous month, which contributed to the double digit negative 28.7 per cent decline in Agriculture, forestry and fishing index (February 2023: -26.1%). Mining index decreased to negative 11.5 per cent (February 2023: -6.5%) with Extraction of crude petroleum index dropped by negative 21.2 per cent in March 2023. Meanwhile, Manufacturing index went up by 1.4 per cent in March 2023 (February 2023: 3.0%), attributed to the increase of Manufacture of computer, electronic & optical products (8.9%) and Manufacture of electrical equipment (5.3%) indices. Whereas for utility sector, Water supply and Electricity & gas supply indices edged up by 3.3 per cent and 1.4 per cent, respectively." explained Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

He further commented, "On a monthly basis, PPI local production inched up 0.3 per cent in March 2023 as compared to negative 0.2 per cent drop in the previous month. Agriculture,

forestry & fishing sector increased 4.8 per cent, in tandem with Growing of perennial crops index which went up by 6.5 per cent. Electricity & gas supply sector also recorded an increase of 0.5 per cent in March 2023. Conversely, Mining sector shrank to negative 0.6 per cent, affected by the decrease of both Extraction of natural gas (-1.0%) and Extraction of crude petroleum (-0.5%) indices. Manufacturing index dropped negative 0.1 per cent attributed to the decrease of Manufacture of coke & refined petroleum products (-1.6%), Manufacture of chemicals & chemical products (-0.2%) and Manufacture of food products (-0.1%). Similar to the previous month, Water supply index inched down to negative 0.3 per cent.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index slipped further to negative 21.0 per cent in March 2023 (February 2023: -16.9%) due to the decline of negative 25.2 per cent in the Non-food materials. However, Intermediate materials, supplies & components increased 1.5 per cent in March 2023 (February 2023: 3.3%), due to the increase of Supplies (10.6%), Processed fuel & lubricants (6.0%) and Materials & components for construction (3.8%) indices. Finished goods rose by 3.9 per cent (February 2023: 4.0%) with Capital equipment and Finished consumer goods indices increased 5.0 per cent and 2.6 per cent, respectively.”

In terms of monthly comparison, Intermediate materials, supplies & components index remained unchanged in March 2023. Meanwhile, both Crude materials for further processing and Finished goods indices recorded an increase of 1.5 per cent and 0.2 per cent, respectively.

The Chief Statistician Malaysia also explained that in the first quarter of 2023, the PPI local production posted a decrease of negative 0.8 per cent (Q4 2022: 3.5%). The decline was owing to the indices of Agriculture, forestry & fishing (-25.4%) and Mining (-6.8%). On the contrary, increases were recorded for Manufacturing (2.9%), Electricity & gas supply (1.2%) and Water supply (3.6%) indices. Meanwhile, a quarter-on-quarter comparison showed that PPI local production declined negative 0.8 per cent (Q4 2022: -0.7%).

Commenting on the inflation at the producer level of selected countries, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Most of countries recorded moderate index in this month amid the easing of commodity and food prices. The United States of America’s (USA) PPI edged up 2.7 per cent after rising 4.9 per cent in February 2023, which can be traced in Final demand

foods particularly in Fresh fruits and melons and Eggs for fresh use. Germany's annual producer inflation slow down to a single digit of 7.5 per cent (February 2023: 15.8%), recorded the lowest since June 2021. India's producer inflation slightly increased 1.34 per cent (February 2023: 3.85%) touching a 26-months low as compared to previous figures. Meanwhile, China's producer price continued to decline by negative 2.5 per cent as against negative 1.4 per cent in the previous month. This was the sixth successive months of producer deflation, hitting the lowest index since June 2020. Asia's countries such as Japan and South Korea rose at slower pace as compared to the previous month at 7.2 per cent and 3.3 per cent, respectively."

He also added, "Global commodity markets are facing price volatility in the coming years not only due to lingering geopolitical concerns, but also largely centered on China and climate change. The Economist Intelligent Unit (EIU) projected the oil prices will remain elevates in 2023. However, recent weeks has triggered a sharp fall in oil prices due to the collapse of Silicon Valley Bank and Signature Bank in USA apart from liquidity issues faced by Credit Suisse. Besides, Russian gas supplies to the EU remain being cut off, keeping the price high this year. As a result, increased global demand for LNG will boost the natural gas prices."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)



Embargo : Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 27th April 2023



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27th APRIL 2023